



**KEMENTERIAN
HAL EHWAL EKONOMI**

SIARAN MEDIA

PERSIDANGAN PELANCARAN PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS, 2021-2025

PUTRAJAYA, 1 Julai 2019 - Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Hal Ehwai Ekonomi (MEA) dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*) dan Bank Dunia (*World Bank*) hari ini menganjurkan Persidangan Pelancaran Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 yang akan berlangsung selama empat hari bermula 1 hingga 4 Julai 2019 di Putrajaya Marriott Hotel.

YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwai Ekonomi telah menyampaikan ucapan persidangan ini yang disertai oleh kira-kira 250 orang peserta melibatkan pakar dan pihak berkepentingan daripada pelbagai kementerian dan agensi, kerajaan negeri, badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), dewan perniagaan, wakil industri serta pertubuhan bukan kerajaan.

Turut hadir adalah YBhg. Dato' Saiful Anuar Lebai Hussien iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwai Ekonomi, Mr. Stefan Priesner iaitu Wakil Penyelaras Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, Singapura Brunei serta Dr. Mara Warwick yang merupakan Ketua Perwakilan Bank Dunia untuk Brunei, Malaysia, Filipina dan Thailand.

Persidangan Pelancaran Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 ini bertujuan untuk mengenal pasti serta membincangkan isu-isu terkini dan trend semasa global selain menjadi platform untuk mendapatkan maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan dalam merangka dasar bagi RMKe-12 yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun bermula daripada tahun 2021 hingga 2025.

RMKe-12 merupakan kesinambungan daripada pelan pembangunan terdahulu yang akan digubal berdasarkan konsep 'Kemakmuran Bersama' yang akan menjadi hala tuju untuk pembangunan jangka panjang. Dasar dan strategi RMKe-12 yang akan digubal juga akan dijajarkan berasaskan tiga dimensi, iaitu pemerikasaan ekonomi, kemampunan alam sekitar dan kerekayasaan sosial. Dimensi pemerikasaan ekonomi

meliputi sumber dan bidang baharu pertumbuhan termasuk Revolusi Perindustrian 4.0, ekonomi digital, industri aeroangkasa dan pembangunan wilayah bersepadu serta pemboleh pertumbuhan seperti sumber tenaga yang mampan dan ketersambungan infrastruktur. Dimensi kemampunan alam sekitar pula mengambil kira antara lain, ekonomi biru, teknologi hijau, tenaga boleh baharu serta adaptasi dan mitigasi perubahan iklim. Manakala dimensi kerekayasaan sosial mencakupi peningkatan kuasa beli rakyat, pembentukan masyarakat bumiputera yang berdaya tahan, pengukuhan jaringan keselamatan sosial dan peningkatan kesejahteraan rakyat.

Beberapa sesi pembentangan dan perbincangan panel akan melibatkan penceramah dari pelbagai agensi antarabangsa yang dibawa khusus oleh *United Nations*, *World Bank* dan *Asian Development Bank (ADB)* serta beberapa pakar dari dalam negara. Perkongsian pandangan dan pendapat dalam persidangan selama empat (4) hari ini diharap dapat mengetengahkan idea-idea baharu dan mengenalpasti cabaran masa hadapan yang perlu diambil kira serta diperincikan dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025.

###